

**Siaran Media
Untuk Siaran Segera****AHB Umum Agihan Pendapatan Interim Sebanyak 2.5 Sen Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 31 Mac 2022**

Kuala Lumpur, 6 April 2022 – Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM) dengan sukacitanya mengumumkan pengagihan pendapatan interim dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sebanyak **2.50 sen** seunit untuk **tempoh enam bulan** berakhir 31 Mac 2022. Jumlah ini terhasil daripada pengagihan pendapatan asas sebanyak 2.15 sen seunit dan pengagihan bonus sebanyak 0.35 sen seunit. Jumlah bonus yang diberikan ini adalah sumbangan daripada PHB selaku penaja dana AHB dan bakal diagihkan untuk 500,000 unit pertama untuk setiap pemegang unit.

Pengarah Urusan Kumpulan PHB, Dato' Mahmud Fauzi Mudah berkata, "Kadar 2.50 sen seunit yang diagihkan untuk interim tahun ini adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 2.35 sen seunit yang dibayar pada April 2021. Ini menunjukkan refleksi trend yang positif terhadap AHB". Agihan pendapatan AHB adalah dua kali setahun dan pengagihan pendapatan akhir untuk tahun ini, jika ada, akan diagihkan pada bulan Oktober.

Ahmed Muzni Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif MAM berkata, "Seperti yang telah diumumkan pada Oktober 2021, kini kami telah bersedia untuk melaksanakan skim pelaburan semula pengagihan pendapatan khusus untuk pemegang unit runcit dimana agihan pendapatan yang diperoleh boleh dilaburkan semula sama ada sebahagian ataupun keseluruhan unit. Bagi agihan pendapatan interim ini, pemegang

unit runcit dengan baki bulanan minima 10,000 unit atau kurang dan pemegang unit institusi akan menerima agihan pendapatan secara tunai. Manakala bagi pemegang unit runcit yang mempunyai lebih 10,000 unit, mereka akan menikmati agihan pendapatan dalam bentuk unit AHB”.

Beliau menambah, “AHB membenarkan pengeluaran dan penebusan segera buat para pelabur yang menerima agihan pendapatan dalam unit AHB dan para pelabur boleh menukar unit tersebut kepada tunai di cawangan bank berdekatan”.

Dato’ Mahmud Fauzi berkata, “Tahun ini PHB bercadang untuk menambah sebanyak 1 billion unit baharu ke dalam AHB. Pada 2021, PHB telah selesai menyempurnakan pembelian 3 bangunan baharu yang bernilai lebih kurang RM1.33 bilion. Bangunan-bangunan ini terdiri daripada sebuah hospital swasta, sebuah bangunan pejabat di Kuala Lumpur dan sebuah kolej swasta yang terletak di Johor. Kini, PHB telah memiliki sebanyak 24 buah bangunan dan kami sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah tersebut dengan pemilikan bangunan perubatan, bangunan logistik perindustrian dan kategori aset hartanah yang baharu iaitu pusat data.”

Sejak 2011, AHB telah mengeluarkan bayaran pengagihan pendapatan lebih kurang RM1.7 bilion untuk para pelabur. PHB adalah sebuah anak syarikat tunggal kepada Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, sebuah institusi amanah yang bernaung dibawah bidang kuasa Kerajaan Malaysia. Selain dari mempunyai harga tetap berjumlah RM1 untuk setiap unit, AHB turut menawarkan banyak lagi ciri-ciri yang menarik seperti pengeluaran segera, patuh syariah dan pengagihan pendapatan sebanyak dua kali setiap tahun.

Pengagihan pendapatan AHB ini adalah dikecualikan dari cukai dan telah dizakatkan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang-pemegang unit pada 14 April 2022.

-Tamat-